

ISU DAN CABARAN PENERIMA KOMPUTER 1MALAYSIA

LEE KUOK TIUNG, MOHD SAFWAN BIN SAWI, SITI SURIANI OTHMAN
& LIANA MAT NAYAN

ABSTRAK

Inisiatif daripada kerajaan memberikan komputer riba dan perkhidmatan internet secara percuma telah mengundang pelbagai reaksi yang positif dan negatif daripada masyarakat. Kajian awal ini bertujuan berkongsi pengalaman penerima Komputer 1Malaysia. Kerangka teoritikal adalah berasaskan kepada difusi inovasi dan modenisasi. Empat kumpulan fokus telah dijalankan di antara Oktober 2011 dan April 2012 dengan informan terdiri daripada penerima-penerima komputer 1Malaysia di empat lokasi kawasan luar bandar yang berlainan. Hasil dapatan kajian menunjukkan semua penerima Komputer 1Malaysia yang gembira, teruja dan rasa bertuah. Mereka memanfaatkan teknologi yang diberikan untuk tujuan pembelajaran seperti mencari maklumat untuk tugas rumah dan mendalami subjek atau topik yang diajar oleh guru. Penerima Komputer 1Malaysia turut mempercayai kemudahan tersebut mampu membantu mereka menjadi modal insan yang lebih berpengetahuan dan berdaya saing. Keperihatinan dan komitmen daripada guru-guru dan ibu bapa telah membantu mereka memanfaatkan sepenuhnya kemudahan tersebut. Begitupun, di sebalik kebaikan dan manfaat kemudahan tersebut juga mereka bimbang terdedah kepada pengaruh unsur-unsur yang negatif seperti budaya kuning, akses kepada bahan lucuh dan membazir masa sekiranya meluangkan terlalu banyak masa untuk melayari internet. Begitupun, kemudahan teknologi tersebut telah merubah gaya hidup mereka.

Kata Kunci: *Difusi Inovasi, Modenisasi, Jurang Digital, Komputer 1Malaysia & Internet*

ABSTRACT

The initiative made by the Malaysian government by providing free laptop and internet services has received a number of positive and negative reactions from the society. This preliminary study is carried out to share some experiences experienced by the 1Malaysia laptop receivers. The theoretical framework of this study is based on diffusion of innovation and modernization model. Four focus groups were conducted in October 2011 to April 2012 with informants consisted of recipients of 1Malaysia laptops in four different rural areas in Malaysia. The findings indicate that all recipients of the 1Malaysia laptop are happy, excited and feel lucky upon receiving of the laptops. They make use of the given technology for learning purposes including searching for information for their assignments and seeking additional information for the subjects being taught by teachers in school. The 1Malaysia laptop

receivers believe that such facility provided by the government will help enhance their knowledge, skills and competitiveness. The concern and commitment from the teachers and parents has assist them make full use of these facilities. Despite the advantages and benefits, the society are concern with the influence of negative elements like through the internet such as the yellow culture, access to pornographic material and waste of time on the internet. Nevertheless, the technology has changed their lifestyle.

Keywords: *Diffusion Of Innovation, Modernization, Digital Divide, 1malaysia Laptop & Internet*

PENGENALAN

Pemberian komputer riba yang dikenali sebagai komputer 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak bertujuan untuk menangani masalah jurang digital, jurang di antara kelas dan seterusnya mewujudkan budaya celik teknologi maklumat (IT) dalam kalangan rakyat Malaysia. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan komputer tersebut dengan kerjasama daripada pihak sekolah. Kerajaan turut menyediakan perkhidmatan jalur lebar internet secara percuma secara berfasa untuk mempermudah masyarakat mengakses kepada maklumat sebagai sebahagian daripada langkah untuk menggalakkan lagi proses difusi inovasi dan seterusnya modenisasi masyarakat. Pelbagai inisiatif berkaitan boleh dilihat seperti dalam Bajet 2013 sahaja kerajaan akan menyediakan capaian internet jalur lebar melalui program Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di 100 buah kawasan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara.

Program komputer riba 1Malaysia telah dilancarkan selaras dengan program Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi pada tahun 2010. Sebanyak 754,446 unit komputer riba (daripada sejuta unit yang diluluskan) tersebut telah diedarkan di seluruh negara sehingga September 2012 dan kerajaan telah menambah 500,000 unit lagi dengan perbelanjaan sekitar RM1.5 bilion pada Oktober 2012. SKMM di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Multimedia) telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan komputer riba tersebut secara percuma kepada pelajar dari keluarga yang pendapatan isi rumah mereka kurang daripada RM3,000.00 sebulan di luar bandar dan RM5,000.00 di kawasan bandar. Pihak sekolah telah bersama-sama menjayakan pengagihan bantuan ini dengan membantu mengenalpasti pelajar-pelajar yang layak menerima komputer riba percuma tersebut dan seterusnya mengagihkannya apabila memperolehinya daripada SKMM.

Kumpulan perintis pelajar luar bandar yang menerima pakej komputer riba ini dikenali penerima awal (*early adopter*) mengikut model difusi inovasi. Ini bermakna mereka berdepan dengan polemik-polemik yang disebabkan oleh

kewujudan 'kebaharuan' ('*newness*') mereka dengan teknologi yang diberikan kepada mereka dengan harapan mereka memanfaatkan kemudahan tersebut untuk pendidikan mereka. Dalam konteks ini teknologi yang dimaksudkan tidak semestinya merujuk kepada model teknologi yang terkini di pasaran tetapi memadai syaratnya teknologi tersebut merupakan sesuatu yang baharu kepada komuniti sasaran tersebut. Matlamat pemberian komputer riba tersebut bukan sahaja bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran para pelajar tetapi dengan harapan mampu menyumbang sesuatu kepada usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat khususnya dengan perkhidmatan jalur lebar. Ini merangkumi pemasaran produk pengeluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS) penduduk tempatan secara e-dagang (*e-commerce*).

Usaha murni kerajaan dengan objektif pembangunan masyarakat ini sebenarnya mengundang pelbagai reaksi daripada masyarakat sama ada berkenaan akses kepada komputer dan sumber maklumat yang diperolehi melalui internet mahupun peluang-peluang baharu yang muncul hasil daripada capaian tersebut. Sarjana seperti Guillen dan Suarez (2005) telah banyak menghuraikan tentang hubungkait jurang digital dengan ciri-ciri ekonomi, kawal selia, sosio-politik dan evolusi masyarakat itu sendiri tetapi merumuskan saluran komunikasi itu yang paling berkuasa dalam penentuan kejayaan difusi inovasi. Persoalan-persoalan seperti apakah penerima bersedia dan berupaya memanfaatkan sepenuhnya komputer riba yang diberikan oleh kerajaan. Penerima Komputer 1Malaysia perlu mempelajari bagaimana menggunakan teknologi tersebut untuk memperolehi manfaat daripadanya sebelum dapat mengaplikasikannya bagi tujuan faedah-faedah lain. Begitu juga dengan pertanyaan apakah usaha dan komitmen daripada ibu bapa dalam membantu para pelajar memanfaatkan sepenuhnya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tersebut. Persoalan-persoalan ini jika dikupas sudah pasti mampu memberikan input tentang keperluan-keperluan yang berbeza oleh segmen-segmen masyarakat yang berbeza yang harus dipertimbangkan untuk menambahbaik program pemberian Komputer 1Malaysia di masa akan datang.

Difusi Inovasi dan Modernisasi

Teori difusi inovasi yang diperkenalkan Rogers (2003) pada asasnya menjelaskan mengapa, bagaimana dan apa idea-idea dan teknologi baharu yang disebarkan melalui budaya. Terdapat beberapa definisi untuk 'inovasi' boleh ditemui dengan sebahagiannya memfokus kepada aspek sesuatu yang baharu (*novelty*), sebahagian pada aspek proses, dan tidak kurang juga pada objek atau peralatan tersebut (merujuk kepada komputer riba dalam konteks kajian ini). Inovasi boleh jadi suatu idea, suatu tingkah laku, ataupun objek atau peralatan yang baharu kepada masyarakat.

Difusi juga boleh merujuk kepada 'proses' perubahan sosial yang mana inovasi disampaikan kepada masyarakat dari semasa ke semasa dalam kalangan anggota sesebuah sistem sosial. Inovasi merupakan idea, amalan, atau objek yang dianggap baharu kepada komuniti tersebut. Teknologi pula boleh merujuk kepada suatu reka bentuk yang boleh digunapakai untuk mengurangkan ketidaktentuan atau masalah

dalam hubungan sebab-akibat dalam mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki. Guru akan terbuka kepada perubahan sekiranya teknologi membantu mereka menyelesaikan masalah yang dianggap penting kepada mereka dan dalam masa sama mengekalkan otonomi kawalan mereka ke atas kelas (Cuban 1986). Inovasi teknologi bertujuan mengurangkan ketidaktentuan atau dalam istilah lain mempermudah kerja juga boleh menimbulkan ketidaktentuan apabila pengguna mendapati rumit untuk menggunakannya. Senario ini menjadikan pencarian maklumat (*information seeking*) penting dalam adaptasi sebarang inovasi ke dalam sesebuah masyarakat. Difusi inovasi yang menjurus kepada penyebaran teknologi pernah dibincangkan oleh sarjana seperti Geroski (2000) yang mana antaranya mengupas tentang teknologi yang dipilih, kepantasan penyebaran dan tingkah laku penerima.

Terdapat empat elemen utama yang mempengaruhi penyebaran idea baharu iaitu inovasi, saluran komunikasi, masa dan sistem sosial. Inovasi yang diperkenalkan juga harus memenuhi kriteria ACCTO iaitu *advantage*, *compatibility*, *complexity*, *trialability*, dan *observability*. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah inovasi tersebut harus mempunyai kelebihan relatif iaitu ketara nampak perbezaannya. Inovasi yang diperkenalkan juga harus mempunyai keserasian dengan nilai-nilai dan amalan yang sedia ada kerana sesuatu yang baharu sepenuhnya akan menimbulkan kejutan budaya (*culture shock*) disebabkan masyarakat tidak pernah melihat atau merasa sesuatu itu yang lain dari yang lain. Sama ada masyarakat menerima atau menolak sesuatu inovasi itu juga dipengaruhi oleh sebab tidak rumit dan mudah digunakan. Inovasi yang diperkenalkan sebaik-baiknya harus sudah mempunyai hasil yang boleh dilihat sebagai pengesahan kepada kebaikan-kebaikan yang diperkatakan. Tingkahlaku khalayak sasaran juga perlu difahami terutamanya aspek-aspek demografi dan kefahaman tentang erti penting komunikasi di antara rakan-rakan sebaya dan rangkaian rakan sebaya yang wujud. Dalam perbincangan Baptista (2000) tentang kejayaan difusi inovasi menekankan erti penting mengambilkira aspek geografi dan rangkaian proses pemindahan dan penyebaran pengetahuan.

Difusi inovasi ini seiringan dengan arus modenisasi dan globalisasi yang mendesak masyarakat melalui anjakan paradigm untuk menerima sesuatu yang baharu lazimnya sesuatu yang lebih baik atau mudah. Kesan kedua-dua fenomena ini telah merubah sikap masyarakat terhadap gaya hidup kehidupan sedia ada (yang dianggap tradisional dan ketinggalan) dan seterusnya mencetuskan revolusi inginkan pembaharuan. Difusi inovasi membawa kepada proses pemodenan dalam masyarakat yang boleh dijelaskan dalam proses evolusi sosial dengan mengenal pasti ejen-ejen perubahan sosial dan pembangunan masyarakat tersebut. Ini melibatkan pengedaran alat-alat ICT kepada masyarakat sepertimana termaktub dalam Perkara 21 Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Wilson 2004).

Selain daripada memberi fokus kepada memujuk individu untuk berubah (iaitu pendekatan yang menekankan aspek tingkahlaku), terdapat juga pendekatan yang

melihat pemberian kemudahan komunikasi (*communication tools*) sebagai ejen perubahan untuk evolusi atau “mencipta semula” produk dan tingkah laku supaya mereka menjadi lebih baik sesuai untuk keperluan individu dan kumpulan. Ini dipelopori oleh sarjana-sarjana seperti Daniel Lerner, Wilbur Schramm dan Everett M. Rogers. Penulisan Lerner, *The Passing of Traditional Society: Modernizing the Middle East* yang diterbitkan pada 1958 masih menjadi rujukan sehingga hari ini. Menurut Lerner (1966), media memainkan peranan penting dalam proses pemodenan. Ini terutamanya pendedahan kepada media mampu membantu seseorang itu mempelajari daripada pengalaman orang lain. Sumbangan pemikiran ideologi Schramm dan Rogers masih menjadi topik perdebatan hangat sarjana-sarjana pada dewasa kini. Mereka mempercayai teknologi komunikasi dan multimedia berupaya membantu mengurangkan jurang digital.

Kajian Amir Hatem Ali (2011) di Mesir menunjukkan media sosial mendapat sambutan hangat dan berupaya membantu merealisasikan agenda pembangunan, menggalakkan orang ramai menggunakan ICT dan mencapai matlamat mengintegrasikan ekonomi, akses kepada pendidikan dan maklumat berkenaan kesihatan. Begitupun, beliau mengingatkan konsep jurang digital adalah subjektif dan definisi pemahamannya haruslah berkembang seiringan dengan perkembangan sains dan teknologi. Di Amerika Syarikat, sarjana seperti James (2008) telah melihat keperluan pengetahuan asas berkenaan inovasi, pembangunan dan teknologi dan proses penyebaran inovasi dalam usaha mencari penyelesaian merapatkan jurang. Pick dan Azari (2008) pula melihat pengaruh kerajaan, sosio-ekonomi dan akses kepada penggunaan ICT terhadap kejayaan difusi inovasi.

Sarjana seperti Zaltman, Duncan dan Holbeck (1984) melihat aspek-aspek inovasi dalam organisasi di mana dalam konteks kajian ini penting juga kerana pada hematnya sekolah juga merupakan sebuah organisasi. Kekangan-kekangan yang lazim ditemui dalam penyebaran teknologi pendidikan adalah ketidakupayaan pelajar untuk menyesuaikan diri, menghadapi rintangan dan pertentangan dengan guru mereka berkenaan teknologi baharu. Dalam perbincangan ‘kekangan pilihan situasi’ (*‘situationally constrained choice’*) oleh Cuban (1986), ini tidak boleh sepenuhnya mempersalahkan guru-guru di sekolah kerana mereka terikat dengan birokrasi yang terdiri daripada pengubal dasar dan pentadbiran sekolah. Polemik lain yang dihadapi oleh guru-guru adalah (berkaitan dengan tingkahlaku guru) adalah masa yang dihabiskan dalam persediaan pengajaran, aktiviti kelas dan penilaian pelajar. Guru-guru juga perlu mengikut garis panduan kurikulum, urus tadbir dalam kelas, berdepan dengan hal-hal berkenaan disiplin pelajar, pedagogi dan penyediaan alat ukur penilaian prestasi pelajar, dan dalam masa sama memastikan kecekapan tugas mereka berada pada tahap yang memuaskan.

Banyak lagi faktor yang pernah dibincangkan mempengaruhi keberkesanan atau kejayaan sesuatu difusi inovasi sama ada yang positif mahupun yang negatif. Faktor-faktor positif merangkumi kecekapan dan pulangan pelaburan, kebolehan

berkomunikasi, keserasian, kelebihan relatif yang boleh dilihat, pulangan, pemberian, kos kewangan, kerumitan, komitmen dan pengampang (*gatekeeper*). Penerima harus dengan jelas mampu melihat kelebihan-kelebihan yang d bawa oleh teknologi baharu tersebut. Pengampang dalam konteks ini merujuk kepada pendidik akan menentukan tahap kebebasan dan motivasi untuk mereka mengunapakai inovasi yang diperkenalkan kepada mereka. Aspek-aspek negatif banyak tertumpu kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan persediaan permulaan (*kick-off*) projek dan peringkat-peringkat dalam proses penyebaran.

Dalam diskusi difusi inovasi, Valente dan Davis (1999) melihat peranan penting yang dimainkan oleh pemimpin pendapat (*opinion leader*) dan model peranan (*role model*) khususnya pengaruh, pendidikan rakan sebaya, kaunseling interpersonal, capaian mahupun rangkaian rakan sebaya. Terdapat rakan sebaya yang akan bertindak sebagai pencetus idea mahupun pengerak kepada ahli-ahli dalam kumpulan tersebut melakukan sesuatu. Mereka ini akan menjadi ejen perubahan yang merupakan penentu utama kejayaan sesuatu perubahan tingkah laku.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah mengumpul reaksi perasaan daripada penerima awal Komputer 1Malaysia bersama-sama faedah-faedah yang mereka perolehi, masalah atau kerumitan yang dihadapi, dan cadangan penambahbaikan pakej Komputer 1Malaysia. Ini penting untuk mengetahui keberkesanan usaha kerajaan tersebut di samping memperolehi input-input daripada penerima Komputer 1Malaysia sendiri untuk penambahbaikan fasa-fasa program pemberian komputer riba secara percuma tersebut di masa akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah kumpulan fokus (*focus group*), di mana empat kumpulan fokus telah dijalankan dan keseluruhannya melibatkan 19 orang informan lelaki dan 27 orang informan perempuan. Informan berasal dari sekitar kawasan Beaufort, Keningau, Moyog, Penampang dan Pulau Banggi berumur di antara 16 hingga 18 tahun. Mereka terdiri daripada pelbagai etnik iaitu Kadazan, Dusun, Ocos, Bugis, Butun, Murut, Bisaya, Bajau, Sungai, Jawa, Cina dan Brunei. Tempoh masa kerja lapangan adalah di antara Ogos 2011 sehingga April 2012. Teknik temubual tidak berstruktur telah digunapakai dalam kumpulan fokus untuk memperolehi perasaan dan idea-idea daripada penerima fasa awal Komputer 1Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Reaksi Penerima Fasa Awal Komputer 1Malaysia

Semua penerima Komputer 1Malaysia berasa gembira mendapat komputer riba percuma daripada kerajaan. Dua perkataan yang paling kerap digunakan untuk menggambarkan perasaan mereka adalah ‘gembira’ dan ‘suka’. Mereka berterima kasih kepada kerajaan kerana mengambil langkah proaktif membantu mereka memiliki sendiri komputer peribadi. Ini sepertimana memetik luahan informan “*rasa berterima kasih kepada kerajaan dan guru yang membantu mendapatkan notebook*” dan informan yang berkata “*...gembira kerana pihak kerajaan berbesar hati menyumbangkan kemudahan ICT untuk pelajar.*” Mereka berasa bersyukur dan bangga menjadi kumpulan pelajar terawal yang terpilih menerima komputer riba tersebut. Terdapat pelajar yang bertekad untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh setelah menerima komputer riba tersebut kerana menganggap pemberian tersebut sebagai motivasi kepada diri beliau agar lebih rajin berusaha. Rungutan yang diberikan segelintir penerima Komputer 1Malaysia hanyalah merujuk kepada mereka terpaksa beratur panjang dalam suasana yang panas di dalam dewan sesak yang dipenuhi pelajar dan ibu bapa pada hari pengagihan komputer riba. Begitupun, mereka tidak menganggap itu sebagai suatu masalah sebaliknya kegembiraan itu jauh mengatasi dugaan tersebut.

Kegunaan dan Faedah Komputer 1Malaysia

Umumnya para informan berpendapat pemberian Komputer 1Malaysia telah membantu golongan yang tidak berkemampuan memiliki komputer sendiri dan seterusnya membuka peluang untuk mereka mempelajari penggunaan komputer. Antara pandangan-pandangan yang boleh dipetik daripada informan adalah “*dapat meluaskan pengetahuan*”, “*...meningkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan teknologi*”, “*...meningkatkan pengetahuan pembelajaran*”. Pandangan yang diberikan ini merujuk kepada penambahan maklumat dan pengetahuan yang mereka telah perolehi. Kemudahan internet yang disediakan di sekolah dan perkampungan-perkampungan tertentu telah membantu pelajar mendapatkan maklumat tentang isu-isu semasa dan seterusnya meningkatkan pengetahuan am mereka seperti fakta-fakta berkenaan negara Malaysia. Menurut informan kelebihan internet adalah membolehkan mereka memperoleh maklumat yang lebih terperinci tentang sesuatu subjek atau topik yang diajar oleh cikgu. Dalam masa sama telah membantu meningkatkan pengetahuan mereka tentang ICT. Rata-rata informan menyedari kemudahan komputer riba dengan perkhidmatan internet yang boleh mereka peroleh telah mendedahkan mereka kepada globalisasi misalannya informan K3 berkata, “*ICT ialah alat perhubungan tanpa sempadan*” manakala informan K5 berkata, “*..... menerajui dunia tanpa sempadan*”.

Komputer 1Malaysia yang diperolehi informan telah banyak membantu mereka dalam pendidikan yakni pembelajaran kerana mereka berjaya memperolehi bahan bacaan tambahan daripada internet, mengumpul lebih banyak rujukan dari sudut pandangan berbeza untuk topik tugas rumah yang diberikan guru-guru, dan hasil kerja tugas yang lebih kreatif. Ini secara tidak langsung juga bermakna telah merubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Apa yang boleh diringkaskan adalah informan dapat muat-turun nota-nota yakni bahan bacaan tambahan daripada internet, mereka dapat menyiapkan tugas sekolah dengan mudah, dapat menyiapkan projek-projek yang diberikan lebih cepat, membuat kerja kursus, membuat nota dalam komputer riba, tidak perlu menulis dengan tangan sebaliknya menaip sahaja, dapat membuat pembentangan tugas kerja rumah yang diberikan menggunakan aplikasi dalam komputer riba dan juga membantu meningkatkan prestasi akademik.

Para informan mendapat pendedahan yang meluas khususnya pengetahuan dalam dunia ICT. Mereka juga mendapati boleh memperolehi maklumat dengan cepat dan menyimpan maklumat yang banyak dalam komputer riba dengan mudah. Perkara yang disentuh informan ini sebenarnya merujuk kepada kemudahan yang dibawa hasil sains dan teknologi (S&T). Kehadiran komputer riba tersebut telah mewujudkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang baharu kepada semua pelajar. Menurut informan B3, ini juga mampu membantu "*Melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama.*" Ramai informan mempercayai akses internet akan "*Memudahkan proses permohonan untuk melanjutkan pelajaran dan mencari pekerjaan.*"

Rata-rata informan berpendapat dengan pemberian Komputer 1Malaysia ini mampu membantu merapatkan jurang sosial antara golongan miskin dan kaya. Menurut informan, dengan adanya komputer riba sendiri dan akses internet percuma di sekolah dan kawasan-kawasan tertentu yang disediakan kerajaan, mereka dapat mengurangkan penggunaan internet di luar. Ini sekaligus membantu mengurangkan perbelanjaan mereka. Terdapat juga informan yang berpendapat kemudahan yang diberikan berupaya "*Merapatkan hubungan diplomatik antara negara.*" Ini kerana mereka kini sudah mempunyai kawan di luar negara yang hasil perkenalan melalui laman sosial. Kemudahan yang diberikan telah mempermudah komunikasi dan perhubungan pelajar di luar bandar dengan seluruh dunia tanpa sempadan dan tanpa batas. Kemudahan teknologi tersebut juga telah membantu mengisi masa lapang para penerima dengan aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah daripada melakukan aktiviti sosial yang kurang berfaedah atau perkara-perkara yang negatif.

Kesempitan mahupun kekurangan tidak membantutkan usaha para penerima mencuba cara terbaik untuk menggunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Ini misalannya terdapat informan yang memberitahu beliau dengan adik-beradik mereka berkongsi menggunakan *pendrive* untuk menjimatkan kos. Kerjasama di antara rakan-rakan sedarjah turut membantu pembelajaran mereka dan pengetahuan tentang penggunaan komputer. Inisiatif daripada guru-guru sendiri sebenarnya

memainkan peranan paling besar dalam membantu para pelajar memanfaatkan komputer yang mereka peroleh kerana guru-guru sebenarnya juga merupakan pemimpin pendapat yang dipercayai oleh pelajar. Para informan turut berkongsi usaha-usaha yang dilakukan oleh guru-guru mereka untuk menggalakkan mereka menggunakan kemudahan tersebut secara maksima.

Isu dan Cabaran Penerima Komputer 1Malaysia

Dengan adanya Komputer 1Malaysia sedikit sebanyak telah menambah beban kos tambahan kepada keluarga kerana bil elektrik meningkat ataupun seperti memetik kata-kata seorang informan “perbelanjaan untuk *services and maintenance* komputer.” Rata-rata informan memberitahu rungutan daripada ibu bapa mereka tentang “kenaikan bil elektrik,” “membazir tenaga elektrik,” “peningkatan kos elektrik,” mahupun “kos yang tinggi.” Ini tidak termasuk kos penyelenggaraan yang dianggap tinggi bagi masyarakat luar bandar seperti kos memasang perisian (*‘install software’*) dan perbaiki Komputer 1Malaysia bermasalah atau rosak. Polemik utama yang dihadapi oleh penerima fasa awal Komputer 1Malaysia ini adalah perisian yang diberikan adalah versi percubaan sahaja. Mereka terpaksa mengeluarkan belanja untuk memasang perisian. Terdapat juga informan yang mengadu perisian komputer riba tersebut mudah rosak dan dijangkiti virus.

Terdapat juga informan yang meluahkan kebimbangan ketagih dengan bermain games komputer dan penggunaan internet di mana akhirnya akan mengganggu pembelajaran mereka. Ini misalannya menurut pendapat-pendapat informan seperti “*melalaikan tanggungjawab seseorang pelajar,*” dan “*melalaikan dan menjejaskan pelajaran.*” Tidak kurang juga informan yang mengaitkannya dengan pembaziran masa seperti “menghabiskan masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah,” “*bermain game hingga larut malam dan pernah sampai jam tiga pagi,*” “*mengganggu masa belajar,*” dan “*banyak membuang masa contohnya dengan main game dan melayari Internet*”. Mereka dikatakan terlalu leka dengan internet.

Kadar celik IT dalam kalangan penerima Komputer 1Malaysia yang terbatas telah menghadkan penggunaan mereka. Hampir kesemua daripada mereka merupakan pertama kali memiliki komputer. Keadaan ini menyaksikan terdapat juga segelintir kecil pelajar tidak tahu apa yang mereka boleh gunakan dengan komputer riba tersebut disebabkan kurang pengetahuan tentang ICT. Begitupun, berkat kegigihan dan sikap ingin tahu telah mendorong mereka belajar sedikit-sedikit pengetahuan penggunaan daripada rakan-rakan mereka di samping berkat usaha daripada guru-guru di sekolah.

Timbul juga isu penyalahgunaan komputer untuk menyebarkan maklumat palsu, tidak berfaedah seperti unsur-unsur kuning, dan menyebarkan fitnah khususnya melalui media sosial *facebook* dan *twitter*. Senario ini berlaku lazimnya disebabkan mereka sebenarnya tidak menyedari maklumat tersebut adalah palsu apatah hampir sepenuhnya tiada usaha untuk mencari kesahihan sesuatu maklumat tersebut. Mereka

merasakan 'sensasi dan kontroversi' dan sekadar ingin berkongsi dengan rakan-rakan mereka. Ini telah menimbulkan gejala sosial negatif yang baharu dalam komuniti tersebut. Terdapat informan yang mendedahkan ada rakan yang terpengaruh dengan video lucu yang ditonton melalui *YouTube*. Terdapat juga segelintir pelajar yang dikatakan melayari Internet untuk melihat bahan-bahan lucu dan seterusnya menyebabkan penularan budaya kuning. Begitu juga ada informan yang menyatakan "*Menyentuh isu-isu yang negatif.*" Ini belum mengambilkira aspek-aspek yang berkenaan menangani masalah keselamatan siber.

Isu-isu yang berkaitan dengan sekolah umumnya adalah seperti kurikulum di sekolah-sekolah perlu diubahsuai sekiranya pihak sekolah ingin para pelajar menggunakan komputer riba dalam pengajaran dan pembelajaran. Di sesetengah sekolah juga masih berdepan dengan kekurangan kemudahan. Keseluruhannya komitmen daripada pihak sekolah tidak diragui (no doubts) tetapi kekangan seperti kos menyediakan projektor membebankan. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bukannya boleh dirombak sesuka hati oleh guru-guru kerana terikat dengan sistem pendidikan yang digunapakai di seluruh negara dan bukan semua pelajar menerima bantuan komputer 1Malaysia. Menurut informan, "pihak sekolah tiada masalah menerima pelajar menghantar tugas rumah dalam bentuk ditaip komputer tetapi pelajar tidak berkemampuan membeli printer."

Generalisasi dan Perbincangan

Sesuatu usaha mahupun dasar dan polisi kerajaan berkenaan memartabatkan pendidikan tidak akan berjaya tanpa penglibatan daripada masyarakat khususnya para pelajar, guru-guru dan ibu bapa. Pemberian Komputer 1Malaysia dan perkhidmatan internet secara percuma boleh dikatakan bertujuan menggalakkan lagi difusi inovasi dan seterusnya mempercepatkan proses modenisasi selaras dengan matlamat kerajaan mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Semua pihak harus komited untuk merealisasikan aspirasi yang diletakkan dalam program Komputer 1Malaysia. Inisiatif daripada pihak sekolah untuk memikirkan cara mana mengaplikasikan dan memanfaatkan penggunaan Komputer 1Malaysia dalam P&P pelajar harus diberikan pujian. Begitupun kita juga perlu memahami pihak sekolah turut berdepan dengan kesukaran melakukan pembaharuan yang terlalu drastik umpama menukar kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan komputer kerana bukan semua pelajar mendapat bantuan Komputer 1Malaysia.

Pemberian Komputer 1Malaysia secara pecuma telah memberi peluang kepada pelajar yang kurang mampu menikmati kemudahan ICT. Para pelajar telah didedahkan kepada pendekatan P&P yang baharu, di mana mereka belajar menggunakan internet untuk kegunaan kerja dan menyimpan maklumat dengan banyak. Kemudahan Komputer 1Malaysia telah membantu para penerima mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dan seterusnya mengelak daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti tidak berfaedah. Komputer yang merupakan hasil inovasi sains dan teknologi

telah membantu pelajar di sekolah memperkembangkan potensi mereka secara lebih holistik.

Komputer 1Malaysia telah membantu para pelajar dalam mengembangkan pengetahuan dalam penggunaan ICT dan melahirkan generasi celik IT. Peluang akses kepada maklumat-maklumat di seluruh dunia dan mempertingkatkan pemahaman pelajar dalam subjek-subjek yang mereka pelajari di sekolah dengan lebih pantas dan mudah. Pelbagai faedah-faedah telah berjaya diperolehi oleh penerima Komputer 1Malaysia seperti dapat belajar dengan cara yang teknologi, membantu menaikkan pengetahuan teknologi mereka, memperluaskan penggunaan teknologi ICT dan memudahkan pembelajaran mereka.

Perkenalan dan persahabatan dengan warga asing melalui internet semestinya membantu membuka minda para pelajar tentang dunia luar seterusnya membantu mereka keluar daripada kepompong lama yang sebelum ini terbatas kepada persekitaran kehidupan mereka. Keberanian untuk menjalin persahabatan dengan individu di luar negara sudah pasti akan membantu mempertingkatkan keyakinan diri dan kemahiran bahasa mereka.

Penjimatan kos perbelanjaan untuk penggunaan internet juga telah menyumbang kepada usaha merapatkan jurang sosio-ekonomi di antara penduduk bandar dengan luar bandar. Langkah kerajaan ini telah mengurangkan beban kos perbelanjaan sekolah untuk anak-anak oleh ibu bapa apabila semua pelajar dari keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000.00 diberikan komputer peribadi. Begitupun, kita jangan lupa bahawa kesan-kesan negatif yang timbul termasuklah menambah beban ibu bapa untuk memberi keperluan komputer.

Bagi pelajar yang kurang pengetahuan tentang penggunaan ICT dibayangi dengan kegagalan atau tercicir memanfaatkan komputer riba yang diberikan kepada mereka. Kewujudan jurang digital bermaksud wujud ketidaktentuan sepertimana dihuraikan dalam teori difusi inovasi. Teknologi yang diperkenalkan bertujuan untuk mengurangkan ketidaktentuan tersebut gagal membawa sebarang faedah kepada pelajar sekiranya mereka tidak mempunyai pengetahuan yang memadai untuk memanfaatkan kemudahan yang diberikan kepada mereka.

Kebimbangan tentang penyaringan maklumat iaitu menapis maklumat yang boleh diakses oleh pelajar menjadi keperihatinan semua pihak. Timbul juga kekhuatiran disebabkan pelajar yang menerima komputer riba tersebut merupakan kumpulan remaja yang berumur di antara 14 hingga 17 tahun, mereka akan menyalahgunakan internet untuk mengakses bahan lucah. Di sini ibu bapa dan guru-guru sebenarnya memainkan peranan penting sebagai pengampang dan juga pemimpin pendapat apa yang wajar mereka gunapakai dengan komputer riba tersebut dan apa yang harus dielakkan.

KESIMPULAN

Matlamat pemberian Komputer 1Malaysia yang berteraskan pendidikan di samping merapatkan jurang digital di antara penduduk bandar dengan luar bandar sebenarnya amat bersesuaian dengan matlamat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dapatan kajian awal ini memberikan gambaran gaya hidup penerima, corak tingkah laku, sikap dan minat mereka terhadap komputer dan internet. Berdasarkan penemuan kajian sebenarnya adalah optimis pemberian Komputer 1Malaysia ini mampu mengurangkan jurang digital dalam kalangan rakyat Malaysia dan meningkatkan penembusan jalur lebar di negeri Sabah. Kerajaan Malaysia harus dipuji kerana mengambil inisiatif memberikan komputer riba secara percuma kepada rakyat kerana tidak banyak negara di dunia ini yang melakukan sedemikian rupa. Begitupun projek perintis daripada kerajaan ini perlu ditambahbaik lagi untuk memaksimumkan faedah-faedah yang boleh diperolehi oleh rakyat Malaysia. Teknologi yang diberikan akan memberikan kebaikan sekiranya digunakan dengan baik sebaliknya mendatangkan keburukan jika digunakan dengan cara yang salah.

RUJUKAN

- Amir Hatem Ali. 2011. The Power of Social Media in Developing Nations: New Tools for Closing the Global Digital Divide and Beyond. *Harvard Human Rights Journal* 24(1): 186-219.
- Baptista, Rui. 2000. The Diffusion Process Innovations: A Selective Review. *International Journal of Industrial Organization* 18: 515-535.
- Cuban, Larry. 1986. Teachers and Machine: The Classroom Use of Technology Since 1920. New York: Teacher College Press.
- Geroski, P.A. 2000. Models of Technology Diffusion. *Research Policy* 29: 603-625.
- Guillen, M. F., & Suarez, S. L. 2005. Explaining the Global Digital Divide: Economic, Political and Sociological Drivers of Cross-national Internet Use. *Social Forces* 84(2): 681-708.
- James, J. 2008. Digital Divide Complacency: Misconceptions and Dangers. *The Information Society* 24: 54-61.
- Lerner, Daniel. 1966. The Passing of Traditional Society: *Modernizing the Middle East* (3rd Ed.). New York: The Free Press.
- Pick, J. & Azari, R. 2008. Global Digital Divide: Influence of Socioeconomic, Governmental and Accessibility Factors on Information Technology. *Information Technology for Development* 14(2): 91-115.

- Rogers, Everett M. 2003. *Diffusion of Innovations* (5th Ed.). New York: Free Press.
- Valente, T. W., & Davis, R. L. 1999. Accelerating the Diffusion of Innovations Using Opinion Leaders. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Sciences*. 55-67.
- Zaltman, G., Duncan, R., & Holbeck, J. 1984. *Innovation and Organizations*. Malabar, FL: Robert E. Krieger Publishing Company.

Profil Penulis:

Lee Kuok Tiung, PhD
Pensyarah Kanan
Program Komunikasi
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Mohd Safwan Sawi
Wartawan Penyiaran (BJ) di TV3 Sri Pentas
Pelajar Ijazah Sarjana
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Siti Suriani Othman, PhD
Pensyarah kanan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Liana Mat Nayan
Pensyarah
Jabatan Perhubungan Awam
Universiti Tunku Abdul Rahman